



Soalan-Soalan Lazim (FAQ) Pelepasan Kos - Kos Tidak Berimbang (ICPT)



1. Berapakah jumlah kuantum ICPT yang akan dilepaskan kepada pelanggan untuk tempoh 1 Julai 2024 hingga 31 Disember 2024?

Berdasarkan pengumuman yang telah dibuat oleh Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) pelaksanaan mekanisma Pelepasan Kos Tidak Berimbang atau lebih dikenali sebagai “*Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)*” bagi tempoh 1 Julai 2024 hingga 31 Disember 2024, adalah seperti berikut:

Pelanggan Kediaman (Tarif A)

Penggunaan elektrik 600 kWj dan ke bawah	Kekal menerima rebat 2 sen/kWj
Penggunaan elektrik antara 601 kWj hingga 1,500 kWj	Tidak menerima rebat dan tidak dikenakan surcaj (zerorise)
Penggunaan elektrik melebihi 1,500 kWj	Kekal dikenakan surcaj pada kadar 10 sen/kWj

Pelanggan Bukan Kediaman

Pelanggan bukan kediaman dalam kategori tarif voltan rendah (tarif B dan D), pengguna dalam kategori tarif pertanian spesifik (tarif H, H1 dan H2) dan operator air dan pembedungan	Pengurangan surcaj ICPT kepada 2.7 sen/kWj berbanding tempoh ICPT yang lepas iaitu 3.7 sen/kWj
Pelanggan bukan kediaman dalam kategori tarif komersial voltan sederhana dan voltan tinggi, tarif perindustrian voltan sederhana dan voltan tinggi, tarif perlombongan dan pengguna lampu jalan* <i>*Terdiri daripada Lampu Jalan Raya, Neon & Lampu Limpah, Lampu Jalan Individu dan Lampu Halaman Individu</i>	Pengurangan surcaj ICPT kepada 16 sen/kWj berbanding tempoh ICPT yang lepas iaitu 17 sen/kWj
Pelanggan bukan kediaman dalam kategori lampu jalan (tarif G & G1) di bawah seliaan Pihak Berkuasa Tempatan	Pengurangan surcaj ICPT kepada 9 sen/kWj berbanding tempoh ICPT yang lepas iaitu 10 sen/kWj

Nota

- *Pelanggan Kediaman merujuk kepada pelanggan domestik.*
- *Pelanggan Bukan Kediaman merujuk kepada pelanggan Komersial, Industri dan lain-lain.*
- *Bagi operator air dan pembedungan, surcaj ICPT 2.7 sen/kWj adalah meliputi kesemua tarif kecuali pelanggan kediaman, Tarif A*

2. Siapakah yang akan terlibat dengan pelaksanaan ICPT ini?

Bagi tempoh 1 Julai 2024 hingga 31 Disember 2024, pelaksanaan ICPT adalah seperti berikut:

Semua pelanggan Kediaman dan Bukan Kediaman terlibat dengan pelaksanaan ICPT sama ada dalam bentuk rebat atau pun surcaj yang telah diumumkan oleh Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA).

TIADA KENAIKAN TARIF ELEKTRIK UNTUK SEMUA PENGGUNA DI SEMENANJUNG

PENYASARAN SEMULA SUBSIDI ELEKTRIK BAGI TEMPOH 1 JULAI HINGGA 31 DISEMBER 2024

Kadar rebat dan surcaj mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) untuk pengguna domestik dan pengguna bukan domestik berkuat kuasa 1 Julai hingga 31 Disember 2024:

Kategori Pengguna	Tarif / Surcaj	Catatan
CAJ ICPT UNTUK PENGGUNA DOMESTIK (TARIF A)	Rebat 2 sen/kWj	Sehingga 600 kWj
	Tiada Surcaj	Antara 601 - 1500 kWj
	Surcaj 10 sen/kWj	Melebihi 1500 kWj
CAJ ICPT UNTUK PENGGUNA BUKAN DOMESTIK	Surcaj 2.7 sen/kWj	Tarif Komersial dan Perindustrian Voltan Rendah (B dan D) Tarif Pertanian Spesifik (H, H1 dan H2) Operator Air & Pembetulan
	Surcaj 16 sen/kWj	Lain-lain Tarif Komersial dan Perindustrian Komersial Voltan Sederhana dan Voltan Tinggi (Injaji perkuasaan Voltan Sederhana dan Voltan Tinggi) Perombangan Lampu Jalan**
	Surcaj 9 sen/kWj	Lampu Jalan (di bawah Pihak Berkuasa Tempatan)

*Berdasarkan perbandingan caj ICPT untuk 1 Januari 2024 hingga 30 Jun 2024 **Terdiri daripada Lampu Jalan Raya, Neon & Lampu Limbah, Lampu Jalan Individu dan Lampu Halaman Individu

Untuk memahami tentang ICPT dan cara pengiraan, sila layari <https://myelectricitybill.my>

<https://www.st.gov.my>

3. Apakah yang dimaksudkan dengan Pelepasan Kos Tidak Seimbang Berimbang atau lebih dikenali sebagai *Imbalance Cost Pass-Through (ICPT)*?

ICPT adalah mekanisma yang diluluskan oleh kerajaan dan dilaksanakan oleh Suruhanjaya Tenaga sejak 1 Januari 2014 di bawah rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (*Incentive Based Regulation, IBR*). Mekanisme ICPT membolehkan TNB sebagai utiliti mengatasi perubahan (sama ada peningkatan atau penurunan) kos bahan api dan penjaanaan untuk dilepaskan kepada pelanggan melalui tarif elektrik setiap enam (6) bulan bagi tujuan pelarasan dalam bentuk rebat atau surcaj. Mekanisme ini dilaksanakan berdasarkan Seksyen 26, Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]. Impak pelaksanaan ICPT adalah *neutral* terhadap TNB di mana ianya tidak memberi sebarang kesan terhadap operasi perniagaan dan kedudukan kewangan TNB.

4. Apakah faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan kos ICPT?

Di bawah mekanisme ICPT, kos bahan api dan kos penjaanaan elektrik akan disemak setiap enam (6) bulan dan dilepaskan kepada pelanggan elektrik dalam bentuk rebat atau surcaj bergantung kepada penjimatan atau peningkatan kos yang terlibat. Lebih 90% daripada elektrik yang dijana di Malaysia menggunakan arang batu dan gas.

Oleh itu, harga arang batu yang menjadi salah satu bahan utama untuk menjana elektrik telah meningkat dengan sangat ketara berbanding harga yang ditetapkan untuk Tempoh Kawal Selia Ketiga (Regulatory Period 3, RP3), menyebabkan kos penjaanaan elektrik meningkat dengan ketara. Ini memberi impak yang besar kepada tarif elektrik di Semenanjung kerana ~57% sumber penjaanaan adalah arang batu. Peningkatan harga bahan api arang batu adalah di luar kawalan Kerajaan kerana ia adalah berasaskan harga pasaran global. Sektor penjaanaan tenaga elektrik mengalami tekanan bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia berikutan peningkatan kos bahan api ini.

5. Siapakah yang bertanggungjawab untuk menentukan kaedah pengiraan ICPT?

Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission) selaku pengawal selia sektor tenaga di Malaysia bertanggungjawab menentukan kaedah pengiraan ICPT, tertakluk kepada kelulusan Kerajaan setiap enam (6) bulan.

6. Apakah komponen-komponen di dalam mekanisma ICPT?

Terdapat 2 komponen utama di dalam ICPT:

- **FCPT:** ialah komponen Pelepasan Kos Bahan Api yang melibatkan perubahan kos bahan api (gas asli berpaip, gas asli secair (*Liquefied Natural Gas*, LNG) dan arang batu) akibat daripada perubahan harga pasaran bahan api, kuantiti bahan api, campuran bahan api untuk penjanaan elektrik, pertukaran wang asing dan lain-lain.
- **GSCPT:** ialah Pelepasan Kos Spesifik Penjanaan yang melibatkan perubahan dalam kos penjanaan yang lain berkaitan Perjanjian Pembelian Tenaga (*Power Purchase Agreement*, PPA & Perjanjian Tahap Perkhidmatan (*Service Level Agreement*, SLA) dan kontrak perolehan bahan api seperti Perjanjian Bekalan Arang Batu (*Coal Supply Agreement*, CSA), Perjanjian Bekalan Arang Batu dan Pengangkutan (*Coal Supply and Transportation Agreement*, CSTA), Perjanjian Bekalan Gas (*Gas Supply Agreement*, GSA) Perjanjian Rangka Kerja Gas (*Gas Framework Agreement*, GFA) dan lain-lain.


7. Bagaimanakah jumlah ICPT yang dilepaskan kepada pelanggan ditentukan?

Jumlah ICPT adalah berdasarkan perbezaan di antara anggaran kos sebenar bahan api dan kos penjanaan untuk enam (6) bulan tertentu berbanding dengan kos bahan api dan penjanaan yang telah ditetapkan di dalam pengiraan Tarif Asas.

Sejak 2015, Kerajaan telah berjaya melaksanakan dua puluh (20) kitaran ICPT dan bagi tempoh 1 Julai – 31 Disember 2024, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2,192 juta untuk subsidi elektrik.

8. Bagaimanakah caj ICPT akan memberi kesan terhadap bil elektrik saya?

Caj ICPT adalah caj yang dikenakan untuk setiap kWj tenaga elektrik yang digunakan. Caj ICPT adalah komponen boleh ubah dalam bil elektrik di mana kadar ICPT adalah berdasarkan penggunaan tenaga elektrik anda pada setiap bulan. ICPT adalah caj yang dilepaskan secara terus dan pengiraannya adalah mengikut penggunaan bulanan tenaga elektrik dalam unit kWj didarab dengan kadar ICPT (sen/kWj). Caj ICPT ini kemudiannya akan ditambah atau ditolak daripada jumlah bil semasa anda.

BIL ELEKTRIK DAN INVOIS CUKAI				 TERIMA KASIH kerana Membayar Dalam Tempoh 30 Hari TNB Caroline 1-300-88-5454	
No. Akaun					
No. Kontrak					
Deposit					
No. Invois Cukai					
Jumlah Perlu Dibayar RM 777,346.40				Tarikh Bil : 01.10.2018	
				Bil : LPC	
Tunggakan RM 0.00 Caj Semasa RM 777,346.41 Pengiraan RM 0.01 Jumlah Bil RM 777,346.40		Bayar Sebelah Terima Kasih 21.10.2018 Bilangan Bil RM 830,032.93 (01.10.2018) - (01.10.2018)		Untuk maklumat bil dan bayaran, sila hubungi 1300-88-5454 atau 1-300-88-5454 Untuk pengiraan bekalan anda, sila hubungi pengiraan bil dan bayaran telefon@MS: 13554	
Bil YG Dikeluarkan (01.09.2018) Bil YG Dikeluarkan (01.09.2018) Bil YG Dikeluarkan (01.09.2018)		Bil YG Dikeluarkan (01.10.2018) - (30.09.2018) (30 Hari) Bil YG Dikeluarkan (01.10.2018)		Untuk pertanyaan, sila hubungi TNB KUALA LUMPUR - TAMBUK 247 & 249, JLN BANDAR 15, TRUSMI BUKIT 53100 KUALA LUMPUR KEP. KUALA LUMPUR Tel: (03-41879335 Fax: (03-41879370)	
Jumlah RM 709,487.42		Jumlah RM 709,487.42		Monthly Bill Calculation	
Blok Tarif (kWh/kV) Kegunaan RM 1,621,708.00 Kegunaan RM 1,621,708.00 Kehendak Makluma RM 3,880.00		Kegunaan (kWh/kV) Kadar(RM) Amson(RM) 3,3600 591,923.42 30,3000 117,564.00		Untuk pertanyaan, sila hubungi KWTBB - Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu 1300-88-5454 atau 1-300-88-5454 Untuk maklumat bil dan bayaran, sila hubungi 1300-88-5454 atau 1-300-88-5454 Untuk pengiraan bekalan anda, sila hubungi pengiraan bil dan bayaran telefon@MS: 13554	
Jumlah RM 709,487.42		Jumlah RM 709,487.42		Separation of bill amount for ST, ICPT & KWTBB	
Kegunaan kWh Kegunaan RM Pengiraan Makluma RM ICPT (RM/0.135) Caj ICPT (RM/0.135) Kegunaan Binaan Semasa KWTBB (1.6%) Caj Semasa		Kitaran Bil Kitaran Bil Jumlah Kitaran Bil Kitaran Bil Jumlah Kitaran Bil Kitaran Bil Jumlah Kitaran Bil Kitaran Bil Jumlah Kitaran Bil Kitaran Bil Jumlah		Untuk pertanyaan, sila hubungi KWTBB - Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu 1300-88-5454 atau 1-300-88-5454 Untuk maklumat bil dan bayaran, sila hubungi 1300-88-5454 atau 1-300-88-5454 Untuk pengiraan bekalan anda, sila hubungi pengiraan bil dan bayaran telefon@MS: 13554	
Muatan Tertinggi Dicalat 5,480.00 kW		Muatan Tertinggi Dicalat 5,480.00 kW		Maklumat Tambahan: Angkutan Kuaran : 3.97 Faktor Sebaran : 0.58	
No. Meter Faktor Meter Dikali Semasa Kegunaan UNIT		No. Meter Faktor Meter Dikali Semasa Kegunaan UNIT		Maklumat Tambahan: Angkutan Kuaran : 3.97 Faktor Sebaran : 0.58	
M AC0601963 1.00000 0.00 1,621,708.00 1,621,708.00 kWh M AC0601963 1.00000 0.00 3,880.00 3,880.00 kWh M AC0601963 1.00000 0.00 409,100.00 409,100.00 kWh		M AC0601963 1.00000 0.00 1,621,708.00 1,621,708.00 kWh M AC0601963 1.00000 0.00 3,880.00 3,880.00 kWh M AC0601963 1.00000 0.00 409,100.00 409,100.00 kWh		Maklumat Tambahan: Angkutan Kuaran : 3.97 Faktor Sebaran : 0.58	

9. Bagaimanakah ICPT dikira untuk pengguna solar, seperti *Net Energy Metering (NEM)*?

Pelanggan dengan penjana solar seperti *Net Energy Metering (NEM)*, *Self-Consumption (SelCo)* juga tertakluk kepada pelaksanaan ICPT berdasarkan kategori yang disenaraikan di atas. Pengiraan ICPT adalah berdasarkan penggunaan import (kWj) dari grid. Pelanggan dengan penjana solar yang tidak mempunyai storan bateri masih menggunakan tenaga daripada grid dalam tempoh tiada penjana dari solar dan oleh itu tertakluk oleh pelarasan ICPT.

10. Adakah semua pelanggan membayar jumlah yang sama untuk caj ICPT?

Jumlah caj ICPT pada bil elektrik anda mungkin berbeza daripada jiran anda kerana ia bergantung kepada jumlah penggunaan tenaga elektrik (kWj) sebulan. Oleh itu, jumlah ICPT yang perlu dibayar adalah berbeza daripada seorang pelanggan dengan pelanggan yang lain, dan berbeza dari satu bulan ke satu bulan yang lain, bergantung kepada penggunaan tenaga elektrik.

Untuk mengurangkan impak ICPT di dalam bil, pelanggan disarankan mengambil langkah penjimatan elektrik seperti yang disarankan oleh Pihak Suruhanjaya Tenaga (Energy Commission).

11. Apakah inisiatif dari pihak kerajaan dan pengawal selia untuk mempersiapkan pelanggan bagi menghadapi kadar ICPT baru pada masa hadapan?

Kerajaan telah menyediakan platform **Kalkulator ICPT mesra pelanggan (*user-friendly*)** melalui portal <https://myelectricitybill.my> yang terdapat di laman web rasmi Suruhanjaya Tenaga. Sila rujuk laman web ST (<https://www.st.gov.my/en/web/press>) untuk keterangan lanjut berkaitan pelaksanaan ICPT.

Kalkulator ICPT ini juga bertujuan untuk mendidik pelanggan supaya lebih peka kepada perubahan harga bahan api dan kadar tukaran wang asing di pasaran. Pelanggan boleh memasukkan unjuran harga arang batu dan gas serta kadar tukaran wang asing (*forecast fuel price & forex*) untuk membuat anggaran kos ICPT pada tempoh pelarasan tarif akan datang.

Selain dari itu, sebagai langkah untuk meminimumkan kos bil elektrik, para pelanggan turut digalakkan untuk melaksanakan langkah-langkah menggunakan elektrik dengan cekap. Terdapat pelbagai cara mudah yang boleh dilakukan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, antaranya adalah

- a. melaksanakan audit penggunaan tenaga dengan cara memantau dan menganalisa penggunaan tenaga elektrik serta mengenal pasti peralatan, proses dan sistem yang boleh ditambah baik;
- b. membeli atau menggantikan peralatan elektrik di rumah dengan menggunakan peralatan elektrik yang mempunyai penarafan 5 atau 4 bintang supaya ia dapat memberi lebih banyak penjimatan tenaga elektrik, serta melaksanakan penyelenggaraan secara berkala mengikut spesifikasi yang ditetapkan;
- c. memastikan suis ditutup apabila tidak digunakan bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik;
- d. menggunakan peralatan elektrik dengan lebih efisien, sebagai contoh menetapkan suhu penyaman udara pada suhu antara 24°C hingga 26°C;
- e. memanfaatkan pemberian e-rebat sehingga RM400 yang diberikan oleh Kerajaan melalui program SAVE 4.0 bagi pembelian penyaman udara dan peti sejuk cekap tenaga yang mempunyai penarafan 5 atau 4 bintang serta diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- f. memanfaatkan program *Net Energy Metering (NEM)* di mana ia telah dilanjutkan sehingga 2024 seperti diumumkan oleh Kerajaan sebagai langkah untuk meminimumkan kos bil elektrik pengguna. Bermula 1 April 2024, pelanggan baharu NEM Rakyat akan menerima rebat RM1,000/kwAC sehingga maksimum RM4,000 di bawah program baharu *Solar for Rakyat Incentive Scheme (SolaRIS)*.

12. Adakah Program eKasih masih diteruskan? Bagaimana pelanggan boleh memohon eKasih?

Program Rebat Bil Elektrik RM40 merupakan program bantuan Kerajaan yang disasarkan untuk membiayai bil elektrik bulanan sehingga RM40 kepada mereka yang kurang bernasib baik dan berdaftar dalam sistem eKasih.

Program ini diumumkan oleh Kerajaan dalam Ucapan Bajet 2019 pada 2 November 2018, menggantikan Program Rebat Bil Elektrik RM20 yang berakhir pada Disember 2018. Pada tahun 2024, program ini diteruskan untuk kategori Miskin Tegar di bawah sistem eKasih.

Semakan kelayakan Program Rebat Bil Elektrik RM40 boleh dibuat di portal Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA) <https://semakanrebat.petra.gov.my/apps/public/index.php> atau dengan menghubungi Hotline MyGCC di 03-8000 8000 atau TNB CareLine 1-300-88-5454.

Pelanggan eKasih yang layak dan mempunyai akaun TNB yang aktif (Tarif A, Kediaman) akan menerima terus rebat RM40 dalam bil bulanan mereka. Bagi pelanggan eKasih yang layak dan tidak mempunyai akaun berdaftar dengan TNB, pelanggan boleh mengisytiharkan akaun pihak ketiga dengan mengemukakan borang permohonan <https://semakanrebat.petra.gov.my/apps/public/borang.php> kepada Kedai Tenaga yang terdekat.